

**TEKS UCAPAN KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSOLOR UniMAP BERSEMPENA MAJLIS PERASMIAN**  
**KARNIVAL "MAHASISWA PERANGI DADAH & HIV/AIDS HABIS-HABISAN"**  
**2008 PADA 16 FEBUARI 2008 BERTEMPAT DI SEKOLAH MENENGAH**  
**KEBANGSAAN PADANG BESAR (U), PERLIS.**

Bismillahir-Rahmanir-Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis

Yang Berbahagia Prof. Dr. Ali Yeon Md. Shakaff, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Pengantarabangsaan) UniMAP,

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama UniMAP, Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Para peserta dari Majlis Perwakilan Pelajar seluruh IPTA Malaysia, Para pelajar UniMAP yang dikasihi dan tuan dan puan sekalian.

Bersyukur ke hadrat Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya mengizinkan kita semua hamba-Nya pada pagi ini berkumpul bersama-sama di Karnival "Mahasiswa Perangi Dadah & HIV/AIDS Habis-habisan!" 2008 anjuran bersama Kementerian Pengajian Tinggi & UniMAP dengan Kerjasama Kerajaan Negeri Perlis dan PEMADAM Kebangsaan. Terlebih dahulu, saya mewakili warga UniMAP ingin merakamkan ucapan penghargaan dan tanda terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat, Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir pada pagi ini.

Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada barisan tetamu dan dif-dif kehormat yang sudi melapangkan masa, hadir bagi memeriahkan lagi majlis. Sesungguhnya, kehadiran tuan-tuan dan puan-puan semua amat besar ertinya buat kami. Jutaan terima kasih, syabas dan tahniah

diucapkan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi, Kerajaan Negeri Perlis dan PEMADAM Kebangsaan serta jawatankuasa UniMAP kerana telah bekerja keras dan bertungkus lumus dalam memastikan kelancaran program kita pada hari ini. Pengorbanan dan usaha gigih anda semua amat saya hargai.

Hadirin Dan Hadirat Sekalian,

Masalah dadah di negara kita adalah satu masalah yang amat serius. Semenjak usaha-usaha untuk mengesan penagihan dadah di negara ini dimulakan pada tahun 1970, kira-kira 15,000 penagih telah dikesan pada setiap tahun. Daripada angka ini didapati bahawa kira-kira 70% adalah di antara mereka yang berusia 19 tahun hingga 39 tahun dan 2.49% adalah remaja yang berusia 13 hingga 18 tahun. Ini jelas menunjukkan bahawa golongan belia merupakan kumpulan yang paling tinggi risiko dalam penglibatan dengan dadah. Belia merupakan harapan negara pada masa yang akan datang.

Masalah penagihan dadah melibatkan semua lapisan masyarakat seperti pelajar sekolah, pekerja-pekerja di tempat kerja, belia dan ibu bapa. Tiada golongan yang terkecuali. Penagihan dadah tidak hanya setakat merosakkan diri penagih sendiri tetapi banyak pihak lain yang turut hidup dalam kekecewaan. Kekecewaan mengenangkan nasib orang yang tersayang menjadi penagih. Malah pemimpin-pemimpin negara juga kecewa dengan keadaan ini. Yang lebih menyedihkan ialah ramai yang terlibat dengan dadah ini terdiri daripada kaum belia kita yang berumur di antara 19 hingga 46 tahun. Masa remaja dan belia ini adalah usia yang penting dan berharga dalam kehidupan setiap daripada kita.

Jika dilihat tindak balas Amphetamine Type Stimulan (ATS) pada setiap kali pengambilannya, para penagih akan rasa kuat seperti superman, laju berfikir dan banyak idea. Bukan itu sahaja, akan ada peningkatan dari segi seksual, mereka juga akan menjadi aktif, kurang rasa malu, rasa seronok yang melampau dan bermotivasi tinggi. Itu adalah perasaan dan tindakan otak penagih setiap kali mereka mengambil ATS tapi bagaimana dengan impaknya untuk jangka masa yang panjang. Mereka akan mengalami penyakit-penyakit psikiatri seperti Halusinasi, Paranoid, Gangguan pemikiran, Kemurungan dan Kerisauan keterlaluan. Bukan itu sahaja, malah mereka

akan mengalami Stroke disebabkan saluran darah pecah diotak, Serangan sakit jantung, Perdarahan didalam paru-paru dan Penyakit parkinson.

**Adakah itu remaja-remaja seperti yang kita mahu hasilkan?** Saya yakin, tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini bersetuju bahawa penagihan dadah adalah sesuatu yang sangat ditakuti dan ingin dijauhi, tetapi hari ini saya ingin tanya, apa yang telah kita buat supaya masalah ini tidak datang kepada keluarga kita, kepada saudara mara kita, kepada jiran dan orang kampung kita. Hari ini masalah ini mungkin masalah orang lain, tetapi siapa tahu bahawa esok ianya mungkin menjadi masalah kita.

Menyedari serta menerima hakikat bahawa penagihan dadah bukan hanya akan memusnahkan kehidupan individu, ketenteraman keluarga serta keharmonian masyarakat, malahan penagihan yang berleluasa akan melumpuhkan ekonomi negara, sistem politik dan kerajaan serta mungkin juga budaya dan bangsa kita, maka masalah yang kompleks ini haruslah kita semua melihat dan menanganinya secara serius. Universiti amat peka akan masalah ini dan telah mengambil pelbagai langkah dan pendekatan bagi mengatasinya. Malah Kerajaan juga sentiasa memikir dan mencari kaedah baru supaya usaha pihak universiti terus diperbaiki dan ditambah dari semasa ke semasa. Saya ingin menyeru kepada seluruh masyarakat supaya melihat serta memikul tanggungjawab ini bersama kerana cabaran ini memerlukan kerjasama serta komitmen daripada semua pihak.

Hadirin sekalian,

Senario seperti ini, merupakan cabaran dan masalah kita bersama, dan ia perlu ditangani bersama oleh pihak kerajaan, universiti dan masyarakat. Masalah ini tidak seharusnya kita serahkan semata-mata kepada kerajaan. Sebagai anggota dalam sesebuah masyarakat, kita mempunyai peranan penting untuk bersama-sama membanteras dadah. Antara lain peranan yang paling mudah dan kita semua dapat laksanakan ialah menyampaikan maklumat tentang bahaya dadah kepada anak-anak, ahli keluarga, sahabat dan jiran kita. Atas kesedaran itulah, karnival ini dianjurkan dan ini merupakan sebahagian daripada tanggungjawab kita sebagai ahli masyarakat, iaitu mendidik generasi muda kita ke arah kebaikan dan menjauhi kegiatan sosial yang tidak sihat. Tidak hanya mendidik, kita juga perlu memberi perhatian dan kasih sayang yang sewajarnya kepada mereka agar mereka tidak terdedah dan terlibat dengan pelbagai masalah sosial yang

berlaku di negara kita pada masa kini. Pengabaian terhadap kasih sayang dan kesejahteraan mereka akan mendorong mereka terjebak dengan pelbagai masalah sosial.

Kita harus mengetahui apa itu Amphetamine Type Stimulan (ATS) dan bahaya pengambilannya terhadap diri serta memberi kesedaran kepada generasi muda untuk lebih menghagai diri, keluarga dan masyarakat serta negara. Saya amat berharap program ini akan terus menjadi pemangkin kepada program-program pembasmian dadah di masa-masa akan datang. Adalah menjadi hasrat dan cita-cita saya untuk melihat program ini mencapai objektif penganjurannya.

Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Shahidan Bin Kassim, Menteri Besar Perlis kerana sudi hadir ke majlis ini dan juga dif kehormat dan tetamu jemputan yang sentiasa menyokong keluarga UniMAP. Jutaan tahniah dan syabas sekali lagi kepada pihak penganjur yang telah bertungkus lumus memastikan kelancaran program karnival kita pada pagi ini.

Sekian. Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.